

08 DEC 2001

PBS-Umno

PBS UCAP TERIMA KASIH KEPADA UMNO SOKONG PERMOHONAN

KOTA KINABALU, 8 Dis (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) telah melahirkan penghargaan kepada kepimpinan Umno berhubung dengan pendirian parti itu bahawa ia tidak membantah permohonan PBS untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN).

Ketua Penerangan PBS Henrynus Amin berkata parti itu juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden UMNO atas sokongan Umno bagi permohonan itu.

"Kami menyambut baik kenyataan itu dan berpuas hati. Kami berterima kasih dan menaruh harapan mesyuarat BN akan menghasilkan keputusan positif," kata beliau kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Permohonan PBS untuk menyertai semula BN ialah antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam. PBS keluar daripada gabungan itu menjelang pilihan raya umum 1990.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu bahawa Majlis Tertinggi tidak membantah permohonan PBS itu.

Dr Mahathir juga berkata wakil Umno akan menyampaikan pendirian parti pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dijangka selepas Hari Raya Aidil Fitri.

Naib presiden PBS Yunof Maringking juga melahirkan penghargaan parti kepada pemimpin UMNO peringkat kebangsaan dan negeri atas sokongan kepada permohonan parti itu untuk menyertai semula BN.

"PBS menaruh harapan untuk memberi sumbangan positif ke arah membangunkan negeri Sabah dan negara," kata beliau.

Permohonan PBS untuk menyertai semula BN diserahkan secara rasmi oleh presiden parti Datuk Joseph Pairin Kitingan kepada Dr Mahathir selaku Pengerusi BN, di Putrajaya, bulan lepas.

-- BERNAMA

JS FAZ